

JAWATANKUASA PELABURAN DANA, PERNIAGAAN DAN HARTANAH

- Punca Kuasa** 1. Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti ke 174 pada 21 Februari 2019.
- Keanggotaan** 2. Pengerusi : Naib Canselor
Ahli-ahli : i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
ii. Pengarah Kampus (Kampus Kesihatan atau Kampus Kejuruteraan)
iii. Pengarah Pusat Pembangunan Korporat Strategik
iv. Ahli Akademik Lantikan Naib Canselor.
v. Ahli Profesional (Pelaburan)
vi. Ahli Profesional (Risiko)
vii. Wakil Pejabat Perundangan Universiti
Setiausaha : Bendahari
- Kuasa-kuasa** 3. i) Menggubal polisi pelaburan selaras dengan standard yang diterima umum untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan;
ii) Mencadangkan kepada Lembaga Gabenor Universiti (LGU) melalui Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) berkenaan sesuatu polisi, nasihat, pandangan dan cadangan berkaitan pelaburan dan penjualan yang munasabah dan terbaik.
iii) Menimbang dan meluluskan cadangan pelaburan dana berikut:
a) Pelaburan Tunai
b) Pelaburan Ekuiti; dan
c) Pelaburan Sekuriti Boleh Pasar
iv) Melaburkan wang lebihan Universiti dari Kumpulan Wang Universiti yang tidak berpunca dari Kerajaan.
v) Menilai stok dan menganalisa syarikat dalam pelaburan ekuiti.
vi) Mencadangkan agihan keuntungan daripada pelaburan.

JAWATANKUASA PELABURAN DANA, PERNIAGAAN DAN HARTANAH

- vii) Menimbang dan meluluskan perakuan Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Perniagaan dan Hartanah berkaitan:
 - a) Pelaburan atau penjualan dalam hartanah, pinjaman, sewaan dan perniagaan baru yang munasabah dan terbaik;
 - b) Laporan penilaian Kesesuaian Projek Perniagaan (*feasibility project*); dan
 - c) Laporan Permintaan Cadangan (*Request for Proposal*) projek perniagaan.
- viii) Mengkaji keperluan penubuhan *sub-committee* untuk pemantapan pengurusan pelaburan.
- ix) Bertanggungjawab melapor pelaburan Universiti kepada Lembaga Gabenor Universiti (LGU) melalui Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti (JTK).
- x) Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana pakar pelaburan professional untuk menasihati Jawatankuasa Pelaburan Dana dan Perniagaan berkaitan pengurusan pelaburan termasuk pembelian dan penjualan, pembahagian aset, arah aliran pasaran, pengurus pelaburan, pemilihan Pengurus Dana, penilaian Pengurus Dana, penilaian prestasi pelaburan, dan sebarang tugas yang berkaitan dengan hal pengurusan dan pelaburan USM.
- xi) Jawatankuasa mempunyai kuasa meminta pegawai-pegawai Universiti hadir dan memberi keterangan dan mengemukakan rekod dan dokumen yang berhubungkait dengan perkara yang dibincangkan.

JAWATANKUASA PELABURAN DANA, PERNIAGAAN DAN HARTANAH

- Mesyuarat**
4.
 - i. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat. Mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa.
 - ii. Sekiranya Pengerusi tidak dapat hadir, Pengerusi perlu melantik seorang wakil bagi mempengerusikan mesyuarat tersebut.
 - iii. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
 - iv. Pengerusi walau bagaimanapun boleh meminta diadakan mesyuarat pada bila-bila masa diperlukan dan melantik seorang wakil semasa ketiadaannya.
- Kuorum**
5.
 - i. Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada lima (5) orang ahli termasuk pengerusi.
 - ii. Ahli yang tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat adalah juga tertakluk kepada keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat itu.
- Minit**
6.
 - i. Notis mesyuarat bersama-sama dengan kertas kerja hendaklah dikemukakan kepada ahli-ahli sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum tarikh mesyuarat.
 - ii. Minit mesyuarat hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa.
 - iii. Minit mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti (JTK).